

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober /November 1996**

**HMP 403 Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa Di Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.**

Jawab hanya **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Proses mengaplikasikan Analisis Kesilapan melibatkan beberapa tahap iaitu:

- [a] mengenalpasti kesilapan.
- [b] pentafsiran kesilapan.
- [c] pembinaan semula/rekonstruksi.
- [d] pengkelasan.
- [e] penjelasan.

Huraikan setiap tahap tersebut. Apakah matlamat utama Analisis Kesilapan?

[25 markah]

.../2

2. Perhatikan kesilapan yang lazim dilakukan oleh pelajar di dalam mempelajari Bahasa Malaysia di sekolah.

\*mereka-mereka adalah ahli sains                                  \*daripada saat ini, ....  
\*Minah Restoran    \*memasuki dalam pertandingan  
\*mengirimi ayat surat    \*ku sukakanmu  
\*Bila saya sampai di rumah saya cerita peristiwa itu kepada emak saya.  
\*Saya sudah lapar.  
\*Penerimaan rakyat yang sejuk menyebabkan rancangan itu terpaksa dibatalkan.

- [ i] Kenalpasti jenis kesilapan yang telah dilakukan sama ada kesilapan interlingual atau intralingual.  
[ ii] Sekiranya intralingual, huraiakan tahap perkembangan penguasaan rumus tatabahasa yang sedang dimiliki tentang sesuatu struktur oleh pelajar itu.  
[ iii] Sekiranya interlingual, bincangkan secara ringkas pindahan negatif yang diperlihatkan oleh bentuk yang tidak gramatis itu.

[25 markah]


3. Bincangkan 5 fitur yang dikaitkan dengan Sistem Antara pelajar di dalam pembelajaran B2.

[25 markah]

4. Berikan kegunaan maklumat kontras yang dihasilkan oleh analisis kontrastif kepada penyelidik bahasa, perancang kurikulum, penulis buku teks, dan guru. Ambil satu contoh kontras B1 dan B2 untuk menunjukkan potensi kegunaan maklumat kontras bagi pihak yang telah disebutkan tadi.  
(Perhatian: B1 = bahasa yang sudah diperolehi oleh pelajar. Ia boleh merangkumi bahasa dan dialek setempat. B2 = bahasa sasaran atau dialek baku.)

[25 markah]

5. Azman Wan Chik (1982) memberikan kedudukan teori bahasa dan teori pengajaran di dalam bilik darjah seperti yang tergambar di dalam rajah berikut:



Bincangkan kaitan teori bahasa dan teori pengajaran di dalam bilik darjah seperti yang dilakarkan di dalam rajah ini.

[25 markah]

6. Huraikan dengan ringkas perkara berikut:

- [ i] dialek idiosinkratik Corder.
- [ ii] Sistem Approksimat Nemser.
- [iii] Bahasa Antara Selinker.
- [iv] Kesilapan mengikut Corder.
- [ v] Kesilapan mengikut Analisis Kontrastif.

[25 markah]

7. Dulay dan Burt (1982) memberikan 3 keadaan pembelajaran B2:

- [ i] Faktor intrinsik kognitif yang terdiri daripada penapis, pengatursemula dan pengawal maklumat B2. (Model Krashen).
- [ ii] Pembinaan kreatif B2 sebagai kerangka yang mendasari pembelajaran kemahiran bahasa.
- [iii] Pembelajaran kemahiran B2 sebagai kerangka yang mendasari pembelajaran kreatif B2

Pilih keadaan yang paling tepat mencerminkan situasi pembelajaran bahasa di bilik darjah pada waktu kini. Kombinasi keadaan pembelajaran yang bagaimakah boleh membentuk suasana pembelajaran yang unggul di dalam situasi bilik darjah?

[25 markah]

--oo000oo--